

03/11/1997

BHC perlu segera tunai janji

KUCHING, Ahad - Pemaju projek Empangan Hidro Elektrik Bakun, Bakun Hydroelectric Corration Sdn Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Berhad, tidak harus menjadikan keputusan kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek itu sebagai alasan untuk melengahkan pembayaran RM5 juta yang dijanjikan kepada Tabung Amanah Bakun (TAB) pada Ogos tahun lalu.

Timbalan Presiden Persatuan Kebangsaan Orang Ulu (OUNA), William Ghani Bina, berkata keputusan kerajaan menangguhkan projek gergasi itu tidak harus dikaitkan dengan wang RM5 juta itu.

Beliau berkata, secara peribadi beliau kesal dengan sikap BHC yang belum menunaikan janji mereka sehingga sekarang.

Katanya, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana wang masing-masing RM5 juta yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri sudahpun dijelaskan kepada tabung berkenaan.

"OUNA bukan hendak campur tangan, bagaimanapun, demi masa depan dan kebajikan masyarakat Orang Ulu yang terbabit, BHC hendaklah menunaikan janji seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat kepada TAB, baru-baru ini.

"Saya kesal kerana sehingga semalam BHC belum menunaikan janjinya, iaitu menyumbangkan wang sejumlah RM5 juta kepada TAB untuk dijadikan dana," katanya.

Ghani berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan Pengerusi TAB, Dr James Jemut Masing, bahawa sejak tabung itu diwujudkan tahun lalu, pihaknya hanya menerima RM10 juta masing-masing RM5 juta daripada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Katanya, BHC harus menjelaskan wang yang dijanjikan seberapa segera memandangkan TAB bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan kepada penduduk di daerah berkenaan, khususnya pelajar melanjutkan pelajaran dan mengikuti latihan kemahiran.

"Sekiranya BHC gagal menunaikan janjinya hingga berlanjutan ke tahun depan, saya percaya masalah itu bukan sahaja boleh menjejaskan nama baik syarikat itu di negeri ini, tetapi di kalangan syarikat luar negara yang terbabit dalam projek itu.

TAB diwujudkan dengan dana RM15 juta dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sibu, pada 7 Ogos tahun lalu.

Penubuhan tabung itu bagi menjaga kebajikan penduduk di Belaga, khususnya yang terbabit dalam pelaksanaan projek empangan berkenaan yang membabitkan kos RM13.6 bilion.

Tabung itu turut menyediakan biasiswa kepada setiap anak kelahiran Belaga, tanpa mengira latar belakang mereka, termasuk anak kumpulan yang membantah pelaksanaan projek itu sebelum ini bagi melanjutkan pelajaran ke tahap yang tinggi.

(END)